



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2022

---

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU2213

DATE/DAY

14 FEBRUARY 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION

02:30 PM - 04:30 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 12 Printed Pages including front page)

**\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\***



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2022

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU2213

DATE/DAY

18 FEBRUARY 2023 / SATURDAY

TIME/DURATION

05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 0 Printed Pages including front page)

\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\*

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian. Jawab SEMUA soalan pada bahagian A, DUA (2) soalan bahagian B dan EMPAT (4) soalan bahagian C. Tuliskan jawapan dalam kertas jawapan yang disediakan. (50 MARKAH)

**BAHAGIAN A**

(20 Markah)

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan yang dikemukakan dengan memilih jawapan yang paling tepat.

Sebaik sahaja Cikgu Badlisyah menamatkan pengajaran Matematik Tambahan pada jam dua petang, aku segera bergegas melangkah menuju ke garaj basikal yang terletak berhampiran dengan pintu pagar utama sekolah. Segala *hiruk-pikuk* yang berlaku di sepanjang perjalananku ke garaj itu langsung tidak kuendahkan. Niat di hatiku ingin segera pulang ke rumah yang terletak kira-kira tiga kilometer dari sekolahku.

Setiba di rumah, aku terus disapa oleh ayah yang sedang menyusun barang-barang dan peralatan di dalam van lamanya itu. "Wan cepat bersiap, hari ini kita akan berniaga di Pulau Serai. Kalau lambat sampai nanti, *kelam-kabut* jadinya," ujar ayahku yang telah pun mencecah usia setengah abad itu. "Baiklah ayah. Wan nak mandi dan bersolat dulu," aku segera menuju ke bilikku yang terletak bersebelahan dengan dapur rumah itu.

"Syahrul mana mak? Wan tak nampak pun dia dari tadi," aku bertanyakan ibuku perihal adik lelakiku yang hanya muda tiga tahun daripadaku. Kebiasaananya dia terlebih dahulu sampai ke rumah. Kami memang belajar di sekolah yang sama tetapi berlainan waktu pulang. Hal ini kerana aku berada di tingkatan lima dan dikategorikan sebagai menengah atas manakala dia pula berada di tingkatan dua iaitu kategori menengah bawah.

"Syahrul pulang lewat hari ini. Dia ada kelas tambahan katanya tadi. Syahrul tak beritahu kamu ke?" jawab ibuku seraya kembali bertanya kepadaku. "Syahrul terlupa nak beritahu Wan agaknya. Habis itu adik-adik macam mana? Aku menyoal kembali ibuku yang sedang menyiapkan peralatan dan bahan makanan yang hendak dibawa nanti. Maisara dengan Syafiq tinggal di rumah Pak Ngah Dollah sekejap sementara menunggu Syahrul pulang nanti. Usahlah kamu risau. Pandailah mereka menjaga diri. Semuanya sudah besar panjang pun. Hah, kamu tu tercegat apa lagi? Cepatlah bersiap. Nanti bising pula ayah kamu tu," ibu menggesa aku agar segera bersiap setelah menjawab pertanyaanku terlebih dahulu.

Begitulah rutin harian yang terpaksa aku tempuh dalam menjalani kehidupan remajaku. Tamat sahaja sesi persekolahan, aku akan mengikut ayah dan ibuku ke beberapa destinasi yang telah ditetapkan untuk membantu mereka berniaga di pasar malam. Sementara itu, adik lelakiku iaitu Syahrul yang belajar di tingkatan tiga akan menjaga dua lagi adikku yang masih berada di sekolah rendah iaitu Syafiq dan Maisarah di rumah. Sememangnya, aku langsung tidak mempunyai masa dan peluang untuk bersama-sama rakan sebayaku. Aku hanya mampu mendengar mereka bercerita pertandingan bola sepak yang berlangsung di sekolah, rombongan mereka berkelah di hujung minggu dan pelbagai aktiviti menarik yang dilakukan.

Bagaimanapun, aku tidak pernah menyesal dengan tanggungjawab yang mesti aku tunaikan sebagai anak. Tambahan pula, segala pengalaman yang aku lalui itu menjadikan diriku bertambah matang seiring perkembangan usiaku.

Dipetik daripada cerpen ‘Mimpi yang Pasti’  
oleh Iskandar Mizhar  
[penulisan2u.blogspot.com](http://penulisan2u.blogspot.com)

1. Mengapakah penulis tidak dapat meluangkan masa bersama dengan rakan sebayanya?
  - A Sibuk dengan urusan membantu keluarga
  - B Mementingkan pelajaran berbanding rakannya
  - C Menjaga adik-adiknya sementara ketiadaan ibu bapa di rumah
  - D Ibu bapa melarang penulis berkawan dengan mereka
  
2. Frasa *hiruk-pikuk* dan *kelam-kabut* dalam petikan ialah \_\_\_\_\_.  
  

A kata ganda penuh  
B kata ganda menyaling  
C kata ganda berima  
D kata ganda separa
  
3. Berdasarkan petikan, penulis merupakan seorang yang \_\_\_\_\_.  
  

A terdesak  
B matang  
C mementingkan diri sendiri  
D pemalas

Soalan-soalan 4 hingga 8 berdasarkan petikan di bawah.

Konsep budaya yang mencakup ruang lingkup yang luas, kedudukannya yang sentiasa berubah-ubah dan mempunyai ciri-sejagat menyebabkan timbul kekeliruan dalam usaha mempertahankan tradisi budaya. Dewasa ini, percubaan untuk membuat penyesuaian antara budaya popular dengan budaya tradisi, khususnya muzik mula menampakkan kejayaan. Ternyata muzik irama Malaysia mampu bersaing dengan muzik yang dibawa dari Barat seperti *blues*, *rock*, *rap* dan *jazz* apabila muzik irama Malaysia mendapat tempat dalam hati peminat.

Wujudnya muzik ini yang dipopularkan oleh penyanyi kontemporari, berjaya untuk membuka minda masyarakat, khususnya golongan remaja untuk meminati muzik tradisi sendiri. Mungkin sesetengah golongan melihatnya sebagai percubaan yang hanya memusnahkan nilai tradisi budaya Melayu yang sebenarnya. Namun demikian, arus perubahan teknologi yang semakin berkembang dan proses globalisasi merupakan kesan pemodenan yang banyak membawa kebaikan kepada manusia. Usaha untuk menggayaan budaya bukanlah perkara yang salah. Akan tetapi, masyarakat harus sentiasa berwaspada agar tidak berlaku proses penggayaan budaya dengan budaya yang tidak tentu arah dan kurang bersesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia.

Televisyen bertanggungjawab untuk membentuk dan mendidik masyarakat agar tidak terpesong daripada nilai-nilai murni yang dijadikan identiti budaya masyarakat Malaysia. Dewasa ini keruntuhan moral dan akhlak, terutama dalam kalangan remaja, sering kali dikaitkan dengan pengisian jenis rancangan televisyen. Hal ini demikian kerana televisyen paling diminati berbanding dengan media yang lain. Pengisian rancangan yang diimport, kebanyakannya dari negara Barat turut membawa nilai kebaratan yang kurang sesuai dengan nilai masyarakat Timur. Kesan negatif filem Barat, seperti cara hidup, pergaulan bebas dan keruntuhan institusi kekeluargaan amat berbeza daripada cara hidup orang Timur. Yang ketara ialah wujudnya budaya popular terutama dalam kalangan remaja.

Televisyen merupakan medium yang sangat berjaya dalam usaha membawa budaya popular Barat. Budaya popular merupakan budaya yang mudah dan digemari oleh kebanyakkan orang. Budaya popular merangkum unsur-unsur hiburan seperti muzik, komedi, cara berpakaian, minuman ringan, penggunaan bahasa slanga dan cara bertingkah laku yang banyak didedahkan kepada khalayak melalui media. Penganut budaya popular kebanyakannya menampilkan imej glamor dan berlainan untuk menarik perhatian orang ramai. Remaja berada pada peringkat umur yang lebih merupakan proses untuk mengenali diri dan mencari identiti sendiri. Ketidakmatangan dalam berfikir seringkali menyebabkan golongan remaja hilang hala tuju dalam hidupnya. Mereka mudah terpengaruh oleh tingkah laku yang tidak sesuai dengan budaya Malaysia kerana dianggap sebagai kelainan dan dapat menimbulkan kebanggaan serta kepuasan pada diri mereka.

Pencerobohan budaya popular terhadap budaya orang Malaysia melalui televisyen dapat menimbulkan ancaman dan merosakkan watak nasional individu. Namun demikian, untuk mengasingkan diri secara total daripada teknologi moden ini mustahil untuk dilakukan dan bersifat sia-sia sahaja. Sebenarnya, kesan teknologi moden terhadap masyarakat bukan disebabkan oleh teknologi yang digunakan tetapi disebabkan oleh pengguna itu sendiri. Dengan kata lain, teknologi bukan penentu masyarakat kesan yang dialami oleh masyarakat. Kesannya lebih bergantung pada cara masyarakat menggunakan sama ada untuk kebaikan atau untuk keburukan. Oleh sebab itu, pengisian rancangan televisyen keluaran tempatan perlu ditambah dari segi kualitinya dan kuantitinya, di samping penampilan imej bersih pelakon yang dipaparkan oleh televisyen agar dapat memupuk identity budaya yang mengikut acuan Malaysia yang sebenarnya.

4. Mengapakah timbul kekeliruan untuk mempertahankan tradisi budaya?

- A Masyarakat tidak memahami konsep budaya
- B Konsep budaya sentiasa berubah-ubah takrifnya
- C Tiada penyesuaian antara budaya tradisi dengan budaya popular
- D Adanya ciri sejagat pada konsep budaya menyukarkan masyarakat memahaminya

5. Mesej yang terdapat dalam perenggan kedua ialah \_\_\_\_\_.

- A menerima pengaruh asing akan merosakkan budaya sendiri
- B proses globalisasi akan menghakis pengaruh budaya sendiri
- C pengaruh budaya asing hendaklah dielakkan daripada meresap ke dalam Budaya sendiri
- D masyarakat harus sedar bahawa mereka tidak boleh memperkayakan budaya sendiri dengan menerima pengaruh yang tidak sesuai dengan budayanya

6. Mengapakah televisyen dianggap agen yang bertanggungjawab untuk membentuk dan mendidik masyarakat?


- A Televisyen amat diminati oleh masyarakat
- B Media lain kurang berpengaruh berbanding dengan televisyen
- C Kebanyakan siaran televisyen merupakan rancangan yang diimport
- D Rancangan yang disiarkan melalui televisyen mampu menentukan moral dan akhlak penonton

7. Yang berikut ialah maksud ‘budaya popular’, KECUALI \_\_\_\_\_.

- A budaya yang mendapat sambutan daripada orang ramai
- B budaya yang mudah mempengaruhi semua golongan dalam masyarakat
- C budaya yang memaparkan status yang glamor dan berlainan daripada kebiasaan
- D budaya yang berunsur hiburan, penggunaan bahasa dan kelakuan yang didedahkan kepada orang ramai melalui siaran televisyen

8. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam perenggan akhir petikan?

- A Kita tidak dapat mengelakkan diri daripada pengaruh budaya asing
- B Rancangan televisyen keluaran tempatan hendaklah diperbanyak dan kualitinya dijaga
- C Identiti budaya masyarakat Malaysia bergantung pada rancangan televisyen yang disiarkan
- D Pengguna teknologi moden itu sendiri yang menjadikan teknologi moden itu dijaga



9. Berdasarkan rajah 1 di atas, apakah Q?

- A Polinesia
- B Austronesia
- C Melanesia
- D Mikronesia

10. Berdasarkan pendapat para sarjana, dari manakah asal usul bahasa Melayu?

- I Wilayah Yunan
- II Kepulauan Borneo
- III Kepulauan Madagascar
- IV Tibet

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Pernyataan yang manakah **BETUL** mengenai fungsi bahasa Melayu?

- A Bahasa perpaduan disalurkan melalui Perkara 152 Perlembagaan Malaysia.
- B Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui menulis undang-undang dan peraturan negara.
- C Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui perancangan korpus dan taraf bahasa.
- D Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi melalui catatan dalam semua rekod kerajaan.

12. Pernyataan yang manakah **BETUL** mengenai tatabahasa bahasa Melayu?

- A Kata tunggal menerima imbuhan untuk menghasilkan kata terbitan.
- B Kata terbitan dihasilkan melalui proses merangkaikan dua kata.
- C Kata majmuk ialah kata yang mengalami pengulangan kata dasar.
- D Kata ganda penuh mengalami sebahagian pengulangan kata dasar.

13. Ayat yang manakah menunjukkan penggunaan kesantunan berbahasa?

- A Ali sedang kencing di dalam tandas.
- B Halimah sudah berbadan dua.
- C "Kamu sangat baik" kata Kim Sew kepada cikgunya.
- D "Dia dianugerahkan pangkat sebagai profesor semalam" kata Bashir kepada Ahmad.

14. Ayat yang manakah menunjukkan penggunaan kata hubung yang **BETUL**?

- A Dia bukan sahaja rajin lalu baik orangnya.
- B Saya atau dia yang kamu mahu?
- C Kakak saya mendapat pujian sebab kerajinannya.
- D Kamal dan Faiz dan Fahmi bersahabat baik.

15. Antara yang berikut, perkataan yang manakah berpola KV+KV+KVK?

- I Belukar
  - II Masalah
  - III Senangin
  - IV Sempurna
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV

16. Ciri-ciri bunyi vokal ialah \_\_\_\_\_.

- I bunyi tidak suara
  - II bunyi bersuara
  - III udara keluar tidak mempunyai halangan
  - IV udara keluar mempunyai halangan
- 
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

Bersifat tunjuk cara atau panduan  
Bermanfaat dalam urusan hidup.  
Rancangan masakan dan risalah kesihatan adalah contoh wacananya

17. Apakah ciri-ciri bentuk wacana yang dinyatakan dalam pernyataan di atas?

- A Argumentasi
- B Deskriptif
- C Instruksi
- D Narasi

Mempunyai tema  
Mempunyai nada seperti marah, sedih, rindu dan sebagainya.  
Bentuk penulisan yang bebas dan tidak terikat.

18. Apakah ciri-ciri bentuk wacana yang dinyatakan dalam pernyataan di atas?

- A Pantun
- B Peribahasa
- C Seloka
- D Sajak

19. Yang berikut merupakan ciri-ciri laras bahasa sastera atau karya kreatif,  
**KECUALI**

- A menggunakan bahasa yang ringkas dan bersahaja.
- B bersifat imaginatif dan figuratif iaitu penyimpangan daripada bahasa biasa.
- C bahasa yang terhasil daripada cetusan imaginasi dan pengalaman penulis.
- D menggunakan perlambangan, kiasan, metafora dan sebagainya.

20. "...Liga Malaysia kali ini sekali lagi berpihak kepada pasukan Selangor. Pasukan Selangor berjaya menundukkan pasukan Kelantan 1-0 dan gol tersebut telah dijaringkan oleh Amri Yahya pada minit ke-36...", petikan ini memaparkan penggunaan laras bahasa \_\_\_\_\_.

- A iklan
- B sukan
- C biasa
- D rencana

**BAHAGIAN B**

**(10 Markah)**

Pilih dan jawab hanya **DUA (2)** soalan di bawah.

1. Bagaimanakah anda menjelaskan makna kata *kecil* yang digunakan dalam ayat-ayat yang berikut? (5 markah)

- a) Dia paling *kecil* dalam keluarganya.
- b) Jalan *kecil* itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan yang berat.
- c) Koleksi barang peribadinya itu tidak muat untuk disimpan di dalam almari *kecil* itu.
- d) Ada beberapa masalah *kecil* yang perlu diselesaikan sebelum pelan itu diluluskan.
- e) Perkara-perkara *kecil* tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

2. Tulis **SATU (1)** contoh ayat bagi setiap perkataan di bawah tanpa menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas. (5 markah)

- i. bercampur
- ii. campuran
- iii. berhias
- iv. hiasan
- v. bertempat
- vi. tempatan

3. Kenal pasti ayat-ayat di bawah berdasarkan pola ayat dasar yang digunakan. (5 markah)

	Ayat	Pola Ayat Dasar
1.	Pendengarannya masih baik.	
2.	Sarjan Ali mengejar pencuri itu.	
3.	Semalam hujan turun.	
4.	Pemimpin negara menggubal Dasar Ekonomi Baru untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.	
5.	Pekerjaan Abang Rahim ialah sebagai tukang gunting.	

## BAHAGIAN C

(20 Markah)

Pilih dan jawab hanya **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Cerpen bermaksud cerita pendek manakala penulisan cerpen pula mengandungi plot, tema, nilai, teknik atau kaedah menulis cerpen yang berbeza dengan penulisan sebuah novel.
  - a) Apakah yang dimaksudkan dengan plot dan tema dalam cerpen? (2 markah)
  - b) Terangkan **TIGA (3)** teknik yang boleh digunakan untuk menulis cerpen yang berkesan. (3 markah)
2. Tuliskan **SATU (1)** bentuk perenggan isi rencana yang bertajuk ‘kebaikan menguruskan masa dengan bijak’. (5 markah)
3. Tuliskan **SATU (1)** perenggan pendahuluan sebuah syarahan yang baik. (5 markah)
4. Lengkapkan jadual yang berikut. (5 markah)

### Bayi selamat dicampak dari tingkat 2



gambar (1)



gambar (2)

- a. Apakah laras bahasa yang digunakan untuk gambar (1) dan gambar (2)? (1 markah)
- b. Nyatakan **DUA (2)** ciri laras bahasa bagi gambar (1) dan dua ciri laras bahasa bagi gambar (2). (4 markah)

5. Lengkapkan penulisan surat rasmi yang berikut. (5 markah)

---

---

---

---

---

Kepada,

Encik Hamdan Kassim  
Bahagian Sumber Manusia,  
Syarikat Penerbitan Pen dan Buku,  
69000 Genting Highlands.  
Pahang Darul Makmur.

14 \_\_\_\_\_ 2022.

---

---

Berhubung dengan perkara di atas, saya ingin memohon pekerjaan di syarikat tuan. Saya mempunyai pengalaman bekerja selama lima tahun sebagai penyunting buku bahasa Melayu. Selain itu, saya juga mempunyai kelulusan di dalam bidang pengajian bahasa Melayu dari Universiti Malaya.

2. Selain itu, saya juga ada melampirkan salinan biodata diri dan salinan sijil akademik untuk diteliti oleh pihak tuan. Saya berbesar hati sekiranya saya diberikan peluang untuk menghadiri temuduga dan segala maklum balas, pihak tuan boleh menghubungi saya di talian 017-2233656 ataupun melalui alamat emel saya iaitu senimanbujang@gmail.com.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

---

( )



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2022

---

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU2213

DATE/DAY

14 FEBRUARY 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION

02:30 PM - 04:30 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 8 Printed Pages including front page)

\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\*



## FINAL EXAMINATION NOVEMBER 2022

---

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU2213

DATE/DAY

18 FEBRUARY 2023 / SATURDAY

TIME/DURATION

05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 8 Printed Pages including front page)

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian. Jawab SEMUA soalan pada bahagian A, B dan C. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. (30 MARKAH)

**BAHAGIAN A (10 Markah)**

1. Bahasa Melayu yang terletak dalam lingkungan Nusantara menjadikan \_\_\_\_\_ sebagai rumpun bahasanya.  
  
A Tibet-China  
B Melanesia  
C Austroasia  
D Austronesia
  
2. Teori asal usul bahasa Melayu menurut Asmah Haji Omar adalah terletak di \_\_\_\_\_.  
  
A Asia Tengah  
B Nusantara  
C Pulau Borneo  
D Kepulauan Sunda
  
3. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan fungsi bahasa Melayu Moden?  
  
I Bahasa komunikasi  
II Bahasa Kebangsaan  
III Bahasa perpaduan  
IV Bahasa pendidikan  
  
A I dan II  
B I, II, III  
C II, III, IV  
D Semua di atas

4. Antara ayat yang berikut, yang manakah dapat menunjukkan kesantunan berbahasa apabila berkomunikasi dengan individu yang tidak dikenali?

- A "Pergilah ambil barang saya itu".
- B "Puan, sila tunggu sebentar".
- C "Kakak, dimanakah pejabat pendaftaran?".
- D "Dia dianugerahkan sebagai profesor semalam", jawab Anuar kepada penemuduga.

5. Kumpulan bunyi konsonan yang manakah kesemuanya tergolong dalam bunyi letupan?

- A [s, l]
- B [m, n]
- C [r, c]
- D [p, b]

6. Antara yang berikut, perkataan yang manakah menunjukkan suku kata tertutup?

- I Belukar
- II Masalah
- III Senangin
- IV Sempurna

- A I dan II
- B I dan IV
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

7. Pilih pola ayat dasar bahasa Melayu mengikut susunan subjek dan prediket.

I FN + FK

II FK + FS

III FN + FN

IV FS + FN

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

8. Aminah didera oleh suaminya sehingga badannya menjadi *kurus-kering*.

Perkataan bercondong dalam ayat di atas tergolong dalam penggandaan

A separa

B penuh

C berentak

D berentak vokal

9. Ciri-ciri teks prosa yang manakah bersesuaian dengan kenyataan di bawah?

- Mempunyai tema
- Mempunyai nada seperti marah, sedih, rindu dan sebagainya.
- Bentuk penulisan yang bebas dan tidak terikat.

A Pantun

B Simpulan bahasa

C Sajak

D Peribahasa

10. Antara ciri-ciri laras bahasa kreatif ialah \_\_\_\_\_.


- A menggunakan bahasa yang mempunyai unsur bahasa berimajinasi
- B mengandungi unsur pujukan
- C menggunakan ayat yang padat
- D menggunakan tatabahasa yang sempurna

**BAHAGIAN B**

(10 Markah)

Pilih dan jawab hanya **LIMA (5)** soalan sahaja.

- 1) Mengapakah bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan? Jelaskan.  
(2 markah)
- 2) Huraikan maksud simpulan bahasa ini 'anak angkat' dan berikan **SATU (1)** contoh ayat yang bersesuaian dengan simpulan bahasa tersebut? (2 markah)
- 3) Berikan **DUA (2)** contoh perkataan yang mengandungi pola suku kata KV+KV+KV.  
(2 markah)
- 4) Lakarkan kedudukan bunyi vokal depan luas dan bunyi vokal tengah dalam *rajah 1* di bawah.  
(2 markah)



Rajah 1

- 5) Berikan **DUA (2)** contoh ayat yang menggunakan pola FN+FSN.  
(2 markah)
- 6) Berikan **DUA (2)** ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi pengacara majlis.  
(2 markah)
- 7) Berikan **DUA (2)** ciri-ciri laras bahasa sukan.  
(2 markah)

## BAHAGIAN C

(10 Markah)

Baca petikan teks di bawah kemudian jawab soalan yang dikemukakan dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahasa Melayu mempunyai kedudukan istimewa di negara ini. Pada masa ini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan empat buah negara, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Bahasa Melayu telah digunakan di kawasan ini (Kepulauan Melayu) sejak wujudnya kerajaan-kerajaan Melayu tua seperti Kerajaan Campa dan Langkasuka. Zaman yang penting bagi bahasa Melayu ialah zaman kerajaan Melaka iaitu keagungan kerajaan Melayu.

Walaupun Kerajaan Melayu Melaka tewas di tangan Portugis pada 1511 dan orang-orang Barat mula menguasai daerah Kepulauan Melayu, peranan bahasa Melayu kekal sebagai *lingua franca* antara mereka dengan masyarakat pribumi dan antara ahli-ahli masyarakat pribumi yang menuturkan pelbagai bahasa yang berlainan. Van Linschotten, seorang pegawai Belanda yang pernah tinggal di Indonesia antara 1586-1592 telah membuat kenyataan bahawa bahasa Melayu pada masa itu bukan sahaja sangat harum namanya tetapi juga dianggap sebagai bahasa yang paling dihormati antara bahasa-bahasa di kawasan itu.

Demikian juga, pada awal abad ke-18, Francois Valentijn, seorang pendeta dan ahli sejarah bangsa Belanda yang banyak menulis tentang sejarah wilayah Kepulauan Melayu telah membuat kenyataan berikut tentang bahasa Melayu:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri-negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan Levant.”

Satu bukti lagi tentang tingginya martabat bahasa Melayu dan luas penggunaannya di wilayah ini adalah pada surat-menyrat antara pentadbir Barat dengan raja-raja di Kepulauan Melayu. Contohnya ialah surat Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, James Lancaster, dalam tahun 1601, surat Sultan Alauddin Shah dari Aceh kepada Harry Middleton (kira-kira tahun 1602) dan surat Sultan Aceh kepada raja Inggeris, James I. Ketiga-tiga surat ini, dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi, ada tersimpan di Perpustakaan Bodleian, London.

Dari segi undang-undang, kedudukan bahasa Melayu amat teguh. Pertama, bahasa Melayu pada tahun 1957 telah dimaktubkan dalam Perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan. Perkara 152 Perlembagaan mengatakan: “Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang melalui Parlimen.” Akta Bahasa

Kebangsaan 1963/1967 - Akta 32, Kemas Kini 2006 pula menetapkan bahawa "Bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) hendaklah digunakan bagi maksud rasmi". Dengan kata lain, bahasa Melayu telah dinobatkan untuk digunakan dalam semua urusan rasmi negara, sama ada di peringkat kerajaan persekutuan, negeri, tempatan mahupun oleh badan-badan berkanun.

Namun begitu, pada akhir tahun 1980-an, *awan mendung mula berarak*, dibawa masuk oleh orang Melayu sendiri yang semakin risau dengan kemerosotan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan para pelajar dan remaja kita. Golongan ini, tanpa alasan yang munasabah, berpendirian bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah telah menyebabkan gejala kemerosotan bahasa Inggeris ini. Jika pelajar kita tidak dapat menguasai bahasa Inggeris setelah 11 tahun persekolahan, mengapa bahasa Melayu dipersalah? Mengapa tidak dilihat dari segi faktor-faktor lain, seperti teknik pengajaran dan pembelajaran, taraf motivasi pelajar dan peluang untuk menggunakan bahasa Inggeris?

Tokoh yang amat ketara dalam kalangan usaha pemunggiran bahasa Melayu ialah mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sewaktu mengutarakan Wawasan 2020, beliau melihat bahasa Melayu sebagai ancaman besar kerana bagi beliau, kemajuan negara ini bergantung pada penguasaan bahasa Inggeris. Pada beliau, bahasa Melayu, bahasa kebangsaan dan lambang jati diri negara, tidak mempunyai apa-apa peranan dalam perancangan masa depan Malaysia. Maka bermulalah cabaran-cabaran besar bagi Malaysia dalam abad ke-21 yang perlu ditangani jika kita masih berbangga dengan kedaulatan negara kita.

Sikap menganggap bahasa Inggeris penting telah tersemat dalam jiwa kebanyakan ahli masyarakat kita, lanjutan kepada keadaan pada zaman penjajahan dahulu. Satu sebab ialah kerana mereka telah memperoleh pendidikan dalam bahasa Inggeris dan kecintaan terhadap bahasa Melayu tidak pernah dipupuk dalam jiwa mereka. Oleh sebab sebahagian daripada mereka yang yakin dengan kepentingan bahasa Inggeris ini terdiri daripada pucuk pimpinan dan orang-orang yang memegang jawatan utama dalam sektor awam dan swasta, penggunaan bahasa Inggeris semakin berleluasa. **Orang-orang besar kita** dan ketua-ketua pengurusan tinggi, sewaktu menyampaikan ucapan atau taklimat dengan senang hati menggunakan bahasa Inggeris. Nama-nama bangunan dan institusi sekian lama sudah tidak lagi mencerminkan jiwa bahasa kebangsaan. 'Pudu Raya' berubah menjadi *Pudu Central*. 'Pusat Transformasi Bandar' dengan megahnya dilauung-laungkan sebagai UTC (*Urban Transformation Centre*). *Bangsar South* serta *Bangi Gateway* dan *Melaka Gateway* bermain-main di bibir warganegara padahal apa salahnya jika dikatakan 'Bangsar Selatan' dan 'Gerbang Bangi/Gerbang Melaka'.

- 1) Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* sekitar abad ke-15 hingga abad ke-18. Namun, apakah yang anda faham mengenai *lingua franca*? Nyatakan pendapat anda. (2 markah)
- 2) Berikan **DUA (2)** peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi? (2 markah)
- 3) Apakah yang anda faham mengenai bahasa kiasan *awan mendung mula berarak*? (1 markah)
- 4) Siapakah yang dimaksudkan dengan *orang-orang besar kita* dalam perenggan terakhir? (1 markah)
- 5) Mengapa bahasa Inggeris bagi menamakan sesuatu tempat lebih mendapat perhatian dalam masyarakat hari ini? (2 markah)
- 6) Berdasarkan pendapat anda, bagaimanakah cara yang berkesan untuk memelihara dan menjaga bahasa Melayu sebagai bahasa utama di negara ini? (2 markah)

\*\*\*KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT\*\*\*